

14 NOV 2001

Mahathir-PPRT

KAJI BETUL-BETUL SEBELUM BUAT ULASAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan semua pihak supaya mengkaji betul-betul kes dakwaan penyelewengan wang Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) sebelum membuat sebarang ulasan atau andaian.

Beliau berkata setakat ini masih belum diketahui sama ada benar atau tidak peruntukan PPRT itu diselewengkan.

"Kita tidak boleh pre-judge (membuat pengadilan) sesuatu. Kita mesti tahu latar belakang apa yang sebenarnya berlaku pada duit PPRT itu," katanya kepada pemberita di rumah terbuka Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu sempena Deepavali di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata tindakan hanya akan diambil setelah mereka yang terbabit terbukti kesalahannya.

"Kalau betul-betul salah baru ambil tindakan tetapi sebelum kita tentukan kesalahannya kita tak ambil tindakan," katanya.

Dr Mahathir mengulas laporan akhbar mengenai dakwaan berlaku penyelewengan peruntukan PPRT oleh dua syarikat yang mengendalikan projek PPRT negeri Kelantan dan Terengganu.

Kes PPRT mendapat liputan meluas apabila ia didedahkan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid baru-baru ini.

Menurut Azmi dua laporan polis telah dibuat setelah kementerian itu mengesyaki berlaku penipuan pelaburan berjumlah kira-kira RM40 juta membabitkan pelaksanaan PPRT.

Penyelewengan itu dikesan selepas beliau menjalankan siasatan daripada segi kejayaan projek berdasarkan untung rugi.

Semalam, bekas menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa pada satu sidang akhbar di sini mahu sesiapa sahaja yang didapati terbabit dalam penyelewengan peruntukan PPRT, diambil tindakan tegas.

Beliau juga berkata berlaku salah faham dan kekeliruan mengenai kes tersebut yang dilaporkan dalam akhbar.

Sementara itu, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai semalam berkata siasatan polis yang sedang dijalankan tertumpu kepada sama ada berlaku jenayah pecah amanah atau penipuan dan sedang mengenal pasti pihak yang terbabit dalam kes itu.

-- BERNAMA

AT NM ZS LAT